



KENYATAAN/SIARAN AKHBAR

PENGENAAN CAJ BAGI TEMPAT LETAK KERETA DI PUTRAJAYA

PUTRAJAYA – Perbadanan Putrajaya (PPJ) akan mula mengenakan caj untuk tempat letak kereta (TLK) di kawasan Kompleks Pejabat Kerajaan di Presint 1 dan Presint Diplomatik mulai 1 Disember 2009.

Sebanyak 386 lot TLK di sekitar Kompleks Perdana Putra, Laman Perdana, Kompleks B dan Kompleks C di Presint 1 akan dikenakan bayaran. Langkah ini bertujuan untuk mengawal orang ramai meletak kereta di merata-rata tempat serta memudahkan pelawat untuk mendapatkan lot TLK di sekitar kompleks berkenaan.

Di samping itu, penguatkuasaan terhadap TLK ini dijangka dapat mengurangkan masalah kekurangan TLK dan kesesakan lalulintas yang kian meruncing di kawasan Kompleks Pejabat Kerajaan di Putrajaya. Pada masa yang sama, penguatkuasaan kawasan TLK berbayar ini juga diperluaskan di kawasan komersil di dalam Presint Diplomatik di mana sebanyak 559 TLK disediakan untuk kemudahan orang ramai.

Kawasan-kawasan TLK berbayar ini akan beroperasi pada setiap hari bekerja, mulai daripada jam 8.00 pagi sehingga jam 6.00 petang dengan kadar bayaran sebanyak RM0.50 setiap jam (bagi TLK jenis *Pay & Display*) dan RM1.00 setiap jam (bagi jenis TLK terkawal/tertutup).

Pemilik dan pemandu kenderaan adalah dinasihatkan untuk meletak kenderaan mereka di kawasan-kawasan TLK berbayar yang telah

ditetapkan ini untuk mengelak kenderaan mereka daripada dikompaun atau disaman oleh penguatkuasa trafik.

Untuk memastikan bahawa keperluan TLK ini mencukupi, kawasan *Park & Ride* (P&R) di Presint 1 dan di Presint 7 tersedia untuk menampung tambahan 3,000 lagi petak TLK pada satu-satu masa. Kemudahan ini turut dilengkapi dengan perkhidmatan bas Nadi Putra dari kedua-dua kawasan P&R ini ke pejabat-pejabat kerajaan. Pihak PPj juga bersedia untuk meningkatkan kekerapan perkhidmatan bas dari kawasan P&R ini jika sambutan pengguna menggalakkan.



ZAHARAH SALAMATI
Timbalan Pengarah Perhubungan Awam
b.p. Presiden Perbadanan Putrajaya

Tarikh: 30 November 2009

Disediakan oleh Bahagian Perhubungan Awam untuk PERBADANAN PUTRAJAYA
- Tel: 03-8887 7033 Faks: 03-8887 5013